

MAKLUMAT TERKINI dan PENGUMUMAN

LATEST NEWS and ANNOUNCEMENT

1A. BORANG-BORANG EA, EC DAN FORMAT C.P. 8D VERSI 2016

2016 VERSION OF FORMS EA, EC AND C.P. 8D FORMAT

Dimaklumkan bahawa Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia telah menyediakan dan memuat naik borang-borang / format versi 2016 berikut ke Portal Rasmi LHDNM sebagai pemakluman awal kepada majikan. Borang-borang / format tersebut boleh dimuat turun daripada pautan yang disediakan.

This is to inform that Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia has prepared and uploaded the 2016 version of the following forms / format to the LHDNM Official Portal as an early notification to employers. The forms / format can be downloaded from the link provided.

Bil. / No.	Jenis Borang / Form Type		Jenis Format Disediakan / Type Of Format Provided	
			Excel	PDF
i.	Borang EA (C.P. 8A - Pin. 2016) / Form EA (C.P. 8A - Pin. 2016)			✓ (Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris / Malay and English Language)
ii.	Borang EC (C.P. 8C - Pin. 2016) / Form EC (C.P. 8C - Pin. 2016)		✓ (Bahasa Malaysia sahaja / Malay Language Only)	Pautan / Link: i. EA Pin2016 1.pdf (Malay) ii. EA Pin2016 2.pdf (English) iii. EC Pin2016 1.pdf (Malay) iv. EC Pin2016 2.pdf (English)
iii.	a)	Format C.P. 8D (C.P.8D-Pin. 2016) / C.P.8D(C.P.8D-Pin.2016) Format	i. EA Pin2016 1.xlsx ii. EC Pin2016 1.xlsx iii. CP8D Pin2016 1.xlsx	✓ (Bahasa Inggeris – Untuk Rujukan Sahaja / English Language – For Reference Only)
	b)	Layout Maklumat C.P. 8D dan Panduan Pengemukaan melalui cakera padat (CD) dalam format berikut: ~ Fail txt, atau ~ Microsoft Excel C.P. 8D Information Layout and Guide on Submission via compact disc (CD) in the following format: ~ txt File, or ~ Microsoft Excel		✓ (Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris – Untuk Rujukan / Malay and English Language – For Reference)

Nota / Note: Borang-borang EA dan EC dalam format Excel dan PDF juga boleh diperolehi di bahagian lain dalam Portal Rasmi LHDNM iaitu:-

Laman Utama > Muat Turun > Borang / Info > Lain-lain Borang > Borang EA / Borang EC (Format Excel dan PDF)

Forms EA and EC in Excel and PDF format can also be obtained in another section of the LHDNM Official Portal ie.:-

Home Page > Download > Forms / Info > Other Forms > Form EA / Form EC (Excel and PDF Format)

1B. KELULUSAN BAGI MENGGUNAKAN BORANG EA, BORANG EC DAN FORMAT C.P. 8D VERSI LAMA BAGI TAHUN SARAAAN 2016 SAHAJA

APPROVAL FOR THE USE OF OLD VERSION OF FORM EA, FORM EC AND C.P. 8D FORMAT FOR THE YEAR OF REMUNERATION 2016 ONLY

Berdasarkan maklum balas yang diterima, LHDNM dengan ini memberi tempoh kepada majikan untuk melaksanakan pindaan sistem mengikut versi 2016 borang-borang / format tersebut. Oleh itu, majikan dibenarkan membuat pilihan sama ada menggunakan versi lama atau versi 2016 borang-borang / format tersebut bagi Tahun Saraan 2016.

Borang-borang / format versi lama yang dibenarkan untuk kegunaan bagi **Tahun Saraan 2016 sahaja** adalah seperti berikut:-

- i) **Borang EA (C.P. 8A - Pin. 2010)**
- ii) **Borang EC (C.P. 8C - Pin. 2010)**
- iii) **Format C.P. 8D - Pin. 2015**

Penghantaran format C.P. 8D - Pin. 2015 boleh dibuat melalui salah satu kaedah berikut:

- a) e-Filing (format fail txt); atau
- b) Cakera padat (CD) [format fail txt atau Microsoft Excel]

Walau bagaimanapun, majikan dikehendaki menggunakan **versi Bahasa Malaysia Borang E (CP8-Pin. 2016)** bagi tujuan pengemukaan kepada LHDNM untuk **Tahun Saraan 2016**.

Based on feedback received, time is hereby given by LHDNM to employers for the implementation of any system change in accordance with the 2016 version of the mentioned forms / format. Therefore, employers are given the option to use either the old version or 2016 version of the mentioned forms / format for the Year of Remuneration 2016.

*The old version of the forms / format allowed to be used for the **Year of Remuneration 2016 only** is as follows:-*

- i) **Form EA (C.P. 8A - Pin. 2010)**
- ii) **Form EC (C.P. 8C - Pin. 2010)**
- iii) **C.P. 8D - Pin. 2015 Format**

The C.P. 8D - Pin. 2015 format can be sent via any of the following methods:

- a) e-Filing (txt file format); atau
- b) Compact Disc (CD) [txt file format or Microsoft Excel]

*However, employers are required to use the **Malay Language version of Form E (CP8-Pin. 2016)** for the purpose of submission to LHDNM for the **Year of Remuneration 2016**.*

2. FORMAT C.P. 8D – KAEDAH PENGEMUKAAN OLEH MAJIKAN BAGI TAHUN SARAAAN 2016
C.P. 8D FORMAT – METHOD OF SUBMISSION BY EMPLOYERS FOR THE YEAR OF REMUNERATION 2016

Majikan dikehendaki mengemukakan format C.P. 8D kepada LHDNM melalui salah satu kaedah yang dinyatakan berikut:

Employers are required to furnish C.P. 8D format to LHDNM via any of the methods stated below:

Bil. / No.	Majikan / Employer	Kaedah Pengemukaan C.P. 8D Yang Dibenarkan / Approved Method Of C.P. 8D Submission	
		C.P. 8D - Pin. 2016 (Versi Semasa / Current Version)	C.P. 8D - Pin. 2015 (Versi Lama / Old Version)
i.	Syarikat (termasuk Syarikat Labuan) / Companies (including Labuan Companies)	a) Bersama Borang e-E / Together with Form e-E (e-Filing) b) Melalui / Via e-Data Prais c) Cakera Padat / Compact Disc	a) Bersama Borang e-E / Together with Form e-E (e-Filing) b) Cakera Padat / Compact Disc
ii.	Bukan Syarikat / Non-Companies	a) Bersama Borang e-E / Together with Form e-E (e-Filing) b) Bersama Borang E Kertas Together with Paper Form E c) Melalui / Via e-Data Prais d) Cakera Padat / Compact Disc	
Nota / Note:		Majikan yang telah menghantar maklumat melalui e-Data Prais tidak perlu mengisi dan menghantar Borang C.P.8D. <i>Employers who have submitted information via e-Data Prais need not complete and furnish Form C.P. 8D.</i>	

3. BORANG E – PENGEMUKAAN MELALUI MEDIUM ELEKTRONIK ATAU PENGHANTARAN ELEKTRONIK DIWAJIBKAN BAGI MAJIKAN YANG TERDIRI DARIPADA SYARIKAT (TERMASUK SYARIKAT LABUAN) MULAI TAHUN SARAAAN 2016

FORM E - SUBMISSION ON AN ELECTRONIC MEDIUM OR BY WAY OF ELECTRONIC TRANSMISSION IS OBLIGATORY FOR EMPLOYERS WHICH ARE COMPANIES (INCLUDING LABUAN COMPANIES) WITH EFFECT FROM THE YEAR OF REMUNERATION 2016

Dimaklumkan bahawa mulai Tahun Saraan 2016, adalah wajib bagi majikan yang terdiri daripada syarikat dan syarikat Labuan (Syarikat) untuk mengemukakan Borang E (Penyata oleh Majikan) kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) melalui medium elektronik atau penghantaran elektronik seperti mana dikehendaki di bawah peruntukan subseksyen 83(1B) Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP 1967). Sila layari <https://ez.hasil.gov.my> .

Sehubungan itu, LHDNM tidak lagi mengeluarkan Borang E kertas kepada Syarikat mulai Tahun Saraan 2016. Borang E kertas jika dikemukakan oleh Syarikat adalah DIANGGAP TIDAK DITERIMA bagi maksud di bawah subseksyen 83(1B) ACP 1967.

This is to inform that with effect from the Year of Remuneration 2016, it is obligatory for employers which are companies and Labuan companies (Companies) to furnish Form E (Return Form of Employer) to Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) on an electronic medium or by way of electronic transmission as required under the provision of subsection 83(1B) of the Income Tax Act 1967 (ITA 1967). Please access <https://ez.hasil.gov.my> .

Therefore, LHDNM will no longer issue paper Form E to Companies commencing from the Year of Remuneration 2016. Paper Form E if submitted by a Company is NOT DEEM RECEIVED for the purpose of subsection 83(1B) of ITA 1967.

**4. BORANG E – PENGEMUKAAN OLEH MAJIKAN SELAIN SYARIKAT
FORM E - SUBMISSION BY EMPLOYERS OTHER THAN COMPANIES**

Majikan selain syarikat dibenarkan mengemukakan Borang E kertas kepada LHDNM. Format PDF Borang E akan dimuat naik ke Portal Rasmi LHDNM selewat-lewatnya pada **31 Januari 2017** dan boleh dimuat turun untuk tujuan pengemukaan oleh majikan selain syarikat:

Portal Rasmi LHDNM > Laman Utama > Muat Turun > Borang / Info > Majikan > Pilih Tahun

Walau bagaimanapun, pengemukaan Borang E melalui medium elektronik atau penghantaran elektronik adalah digalakkan. Sila layari <https://ez.hasil.gov.my> .

*Employers other than companies are allowed to furnish paper Form E to LHDNM. Form E in PDF format will be uploaded to the LHDNM Official Portal by **31 January 2017** and can be downloaded for the purpose of submission by employers other than companies.*

LHDNM Official Portal > Home Page > Download > Forms / Info > Employer > Select Year

However, submission of Form E on an electronic medium or by way of electronic transmission is encouraged. Please access <https://ez.hasil.gov.my> .